

DINAMIKA PEMBENTUKAN KOMUNITI DALAM SEJARAH MALAYSIA: PELAJARAN DARI PERISTIWA 13 MEI 1969.

Nor Azlah Sham Rambely
azlah@uum.edu.my

Mohamed Ali Haniffa
m.ali@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertumpu kepada dinamika pembentukan komuniti di Malaysia dengan tumpuan kepada sejarah Peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa 13 Mei 1969 dipilih kerana inilah sejarah hitam dalam hubungan kaum di Malaysia yang pertama kali berlaku setelah 12 tahun Malaysia beroleh kemerdekaan. Objektif penulisan akan mengkaji paparan isu-isu yang bercorak politik, perkauman dan budaya pemikiran yang berbeza dalam kalangan masyarakat Melayu dan bukan Melayu. Penulisan kajian secara naratif berdasarkan sumber-sumber primer yang diperoleh dari bahan-bahan arkib mendominasi penulisan ini. Kajian menunjukkan bahawa impak dari Peristiwa 13 Mei 1969, rakyat Malaysia seharusnya belajar dan mengambil teladan terhadap isu-isu antara kaum kerana sekiranya isu-isu ini tidak ditangani dengan baik, masa depan antara kaum di Malaysia akan sentiasa tegang. Oleh itu keperluan kepada generasi muda untuk memahami bahawa bukan mudah untuk menyatukan tiga kaum yang berbeza dari segala segi dan dari sejarah kita boleh belajar memahami hubungan kaum ini.

Keywords: *Peristiwa 13 Mei 1969, Hubungan antara komuniti, Kaum Melayu, Kaum Bukan Melayu*

PENGENALAN

13 Mei 1969 merupakan satu detik hitam yang bersejarah di bumi Semenanjung Malaysia.

“Hari 13 Mei akan tercatat dalam sejarah kita sebagai hari Tragedi Nasional. Pada hari itu asas pendirian negara kita telah menerima paluan yang sehebat-hebatnya pernah dialami dengan meletusnya rusuhan antara

kaum. Mujurlah kerajaan telah mengambil tindakan yang segera dan tegas, dibantu dengan setianya oleh pihak tentera dan polis. Maka dapatlah pihak berkuasa mengawal keadaan secepat-cepatnya. Kalau tidak kerana langkah-langkah pencegahan yang telah dilaksanakan dengan segera itu maka tentulah seluruh negeri ini akan tersebar dalam mala petaka yang besar”.¹

Buat pertama kalinya selepas kemerdekaan dikecapi, konflik perkauman antara kaum Melayu dan bukan Melayu terutamanya Cina meletus yang memporak-porandakan tanah air. Menurut laporan Majlis Gerakan Negara (Mageran)², peristiwa dahsyat yang berlaku pada 13 Mei adalah akibat dari pelbagai perkembangan dalam sejarah negara ini sejak beberapa tahun yang lalu. Antaranya ialah ketiadaan perhubungan terus menerus antara generasi dan tafsiran yang berlainan oleh masing-masing kaum di negeri ini terhadap Perlembagaan, hingga membawa kepada bertambahnya pencerobohan politik oleh kaum mendatang terhadap beberapa perkara asasi dalam Perlembagaan berkaitan dengan Bahasa Melayu dan kedudukan orang Melayu, terutamanya Fasal 152 dan 153; hasutan, kata-kata lancang dan kelakuan yang provokatif dari ahli dan penyokong parti perkauman dalam masa pilihan raya 1969; peranan yang dimainkan oleh Parti Komunis Malaya dan kongsi gelap yang membangkitkan perasaan perkauman dan kecurigaan; dan kegelisahan, kemudiannya kehampaan orang Melayu dan orang Cina dalam suasana yang memang sedia diselubungi perasaan saling tidak percaya mempercayai antara kaum Melayu dan kaum Cina, dan bertambah pula di masa akhir selepas pilihan raya 1969 dengan berbagai cacian perkauman dan ancaman terhadap kesejahteraan dan kehidupan masa depan mereka, di tanah air mereka sendiri.³

¹ The National Operations Council. 1974. *The May 13 tragedy: A report*. Kuala Lumpur Government Printers, hlm 88. Mangsa kematian ialah seramai 196. Dari segi kaum, jumlah 143 daripada jumlah 196 kematian membabitkan kaum Cina, 25 kaum Melayu, 13 kaum India dan 15 lagi daripada kaum-kaum lain. Dari segi negeri, 172 daripada jumlah 196 kematian berlaku di Selangor, 11 di Perak, 7 di Melaka, 4 di Negeri Sembilan, 1 di Pulau Pinang dan 1 di Terengganu.

² Majlis Gerakan Negara ditubuhkan untuk mengendalikan keadaan Darurat dan untuk mengembalikan negara ini kepada keadaan sedia kala. Pada asasnya, tugasnya ialah: a) untuk mengembalikan keamanan dan undang-undang; b) untuk menentukan pentadbiran yang licin dalam negara ini dan c) untuk mengembalikan harmoni dan kepercayaan antara kaum dalam negara ini. Tragedi 13 Mei, Satu Laporan Majlis Gerakan Negara, Kuala Lumpur, 1969, hlm 83. Anggota Mageran terdiri dari Tun Razak, Tun Ismail, Tan Siew Sin (MCA), Tun Sambanthan (MIC), Inspektor Jeneral Polis Tunku Osman (Ketua Anggota Pasukan Bersenjata), Abdul Kadir Shamsuddin Pengarah (director of Establishments), Tan Sri Ghazali (Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negara), dan Menteri Penerangan. Eksekutif bersenjata diketuai oleh Jeneral Ibrahim, Pengarah Operasi Malaysia Barat, dengan keanggotaan tentera, awam dan polis. FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election. 1969. Addressed FCO Telegram No.515 of 18 May. Repeated for information immediate to Polad Singapore, BHC Singapore, Washington, Canberra, Wellington, Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila dan Djakarta, hlm 46.

³ Tragedi 13 Mei, Satu Laporan oleh Majlis Gerakan Negara, 1969, Kuala Lumpur, hlm xi.

Sehubungan itu objektif penulisan ini mengkaji paparan isu-isu impak dari Peristiwa 13 Mei 1969 yang bercorak politik, perkauman dan budaya pemikiran yang berbeza dalam kalangan masyarakat Melayu dan Cina. Kajian akan berdasarkan sumber pertama iaitu rekod-rekod British dan sumber-sumber sekunder iaitu buku-buku berkaitan Peristiwa 13 Mei dan seterusnya penulisan berbentuk naratif akan diaplikasikan dalam kertas kerja ini.

ISU-ISU BERCORAK POLITIK

Pengisytiharan Perintah Darurat: Antara Ketidakpuasan Hati Kaum Bukan Melayu dan Tanggungjawab Kerajaan

Tragedi 13 Mei 1969 membawa kepada pengumuman pengisytiharan perintah Darurat⁴ oleh Yang Dipertuan Agong dan Mageran diwujudkan. Laporan *The Daily Star* menyatakan bahawa dengan pengumuman Darurat oleh Tunku, "he is inviting disaster to the cause of racial harmony"⁵. *The Daily Star* melaporkan bahawa,

*The opposition obviously feels that the time has come to put their foot down and demand what they believe to be their rights as a strong minority group. The Tunku insistence on a Malay for Menteri Besar at this time was perhaps the most unwise and untimely of all the unwise things he has come out with over the last twelve years. Ousting Singapore for fear of Chinese domination was a bad mistake, but it does not look as if the Tunku learned anything of value at that time. By becoming dogmatic now on a point he himself has betrayed, he has left himself wide open to abuse from the opposition. By declaring the present state of emergency, he is inviting disaster to the cause of racial harmony.*⁶

Kenyataan radio oleh Tunku Abdul Rahman selepas malam kejadian menjelaskan tentang kuasa Darurat yang diumumkan.

⁴ Ordinan Darurat ini menghidupkan semula undang-undang di bawah Kuasa Darurat Akta 1964 untuk menghadapi konfrantasi dan memberikan kuasa penuh membentuk undang-undang. Kesemua pilihanraya yang belum selesai ditangguhkan. Tel No 506, Malaysian Disturbances dalam FCO 24/484 : Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election, hlm 39.

⁵ FCO 24/485:Part B: Malaysia : Internal Situation: Civil disturbances following general election. 1969. The inherent strife, 15 May, *The Daily Star*, hlm 114.

⁶ FCO 24/485:Part B: Malaysia : Internal Situation: Civil disturbances following general election. 1969. The inherent strife, 15 May, *The Daily Star*, hlm 114.

Situation has not improved. It is obvious therefore that a real attempt has been made by disloyal elements to overthrow this government by force of arms. The Yang Dipertuan Agong has promulgated laws by virtue of clause 2 of article 5 of the constitution with immediate effect. This law contains 9 provisions of which the following are the most important. Section 2 empowers the Agong to make regulations for the apprehension, trial and punishment of persons offending against the regulations and for the detention, exclusion and deportation of such persons semicolon to create offences and prescribe penalties, including the death penalty, to make provision for trial by any court which may be specified in such regulations and to make such provisions in respect of trials which can even be held in camera whether in civil or criminal cases semicolon to empower the government to take control of and dispose of any property or to acquire any property on its behalf semicolon to enter and search any premises, to amend any written law or suspend operation of any written law semicolon to deprive any persons of their citizenship. Section 3 extends the operation of the regulations to all ships, vessels and aircraft if they are registered in Malaysia.⁷

Menurut Tunku, pengisytiharan Darurat bukan bermakna meniadakan kehilangan undi parti Perikatan, tetapi sebagai satu langkah untuk mengukuhkan negara. Antara ucapan Tunku yang disiarkan secara langsung pada pukul 10 malam 15 Mei 1969 adalah:

a)Perintah Darurat diisytiharkan disebabkan situasi yang berlaku mengkehendaki kita untuk bertindak cepat atau sebaliknya situasi ini akan menjadi semakin dahsyat dan tidak dapat dikawal dan kita akan berhadapan kembali dengan perintah Darurat yang pernah diisytiharkan kerajaan British pada tahun 1949.

b) Pegganas komunis telah merancang untuk mengambil alih kuasa. Pegganas komunis telah berjaya memujuk pengundi dengan ugutan dan pujukan untuk menjatuhkan Parti Perikatan melalui proses demokrasi tetapi kita bernasib baik dengan majoriti yang mencukupi

⁷ Addressed FCO Telegram No.488 of 15 May Repeated for information immediate to Polad Singapore, Wellington, Canberra, Washington, Kota Kinabalu, Kuching, BHC Singapore, Bangkok, Manila and Djakarta, dalam FCO 24/484 : Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election, hlm 12.

untuk membentuk kerajaan atau saya tidak mampu berfikir apa yang bakal terjadi kenapa negara kita.

c) Jelas sekali tujuan di sebalik apa yang berlaku telah menyebabkan keamanan tergugat dan suasana tanpa undang-undang telah terhasil. Dengan itu saya tiada pilihan untuk menunjukkan kepada golongan ini bahawa kerajaan masih wujud dan akan terus berfungsi. Kita telah meraih keamanan untuk sekian lama dan semenjak Darurat tamat dengan semua undang-undang yang mengiringinya. Sekarang mereka telah memulakan ia semula dan kita harus bertindak dan bertindak dengan cepat. Sekiranya ini tidak dilaksanakan tentunya tiada jalan lain untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian di negara ini.

d) Sekarang ini saya sedang menubuhkan pasukan pertahanan yang kuat di negara ini. Ahli-ahli baru akan direkrut untuk menyertai Pasukan Pertahanan tempatan yang akan beroperasi sepenuhnya sepanjang masa Darurat dan pusat-pusat pengambilan akan didirikan secepat mungkin di setiap bandar dan pegawai tentera akan dipanggil untuk membantu pengambilan ahli-ahli baru ini.

e) Sekarang ini saya telah mendirikan Mageran dengan Tun Razak sebagai Pengarah Operasi, bertanggungjawab sepenuhnya dalam pentadbiran di bawah Undang-undang Darurat dan ahli majlis akan menjadi ahli Pasukan keselamatan. Tun Razak akan bertanggungjawab di bawah saya, yang bermakna setiap kerjanya akan diberi keutamaan. Dalam semua negeri, majlis gerakan akan didirikan dan arahan akan diberikan oleh Mageran di bawah Tun Razak.

Saya bimbang bahawa orang akan mengutuk saya dan berkata disebabkan kita menang majoriti yang sedikit kita terpaksa mengikut perancangan ini. Tetapi ini tidak benar, kita mempunyai jumlah majoriti yang cukup untuk melaksanakan pentadbiran ini. Tetapi keadaan yang berlaku memaksa kita mengambil langkah yang efektif dan mengambil tindakan tegas terhadap elemen pengganas komunis ini.⁸

⁸ Addressed FCO Telegram No.500 of 16 May Repeated for information immediate to Polad Singapore, Following are extracts from broadcast by Prime Minister of Malaysia at 2200 hours yesterday dalam FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election, hlm 33.

Kekecohan Rakyat Hasil Tindakan MCA Menarik Diri Membentuk Kerajaan dalam Pilihan Raya 1969

Pada 13 Mei (Selasa) dalam satu mesyuarat tergempar di Kuala Lumpur, parti Malaysian Chinese Association (MCA) mengambil keputusan menarik diri dalam pembentukan kerajaan persekutuan mahupun negeri, dengan alasan keputusan pilihan raya telah menunjukkan parti ini telah hilang keyakinan dari pengundinya. Namun, MCA akan tetap menyokong Parti Perikatan di peringkat Parlimen. Keputusan ini diambil selepas tiga jam mesyuarat jawatankuasa pusat MCA diadakan. Selain itu dalam mesyuarat ini juga memutuskan bahawa parti ini terus meletakkan keyakinan kepada Tan Siew Sin sebagai presiden parti. Keputusan MCA ini diumumkan tanpa perundingan dengan UMNO terlebih dahulu. Tan Siew Sin ada menyatakan kepada akhbar secara tidak rasmi bahawa keputusan ini boleh dinilai semula, tetapi Tun Razak telah memuji tindakan MCA yang menarik diri dalam kerajaan dan peringkat negeri secara terbuka.⁹ Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri, memberi komen berdasarkan keputusan MCA ini bahawa tidak akan ada perwakilan Cina dalam Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan beliau berharap orang Cina di negara ini akan faham.

Now the Malaysian Chinese Association has withdrawn from the Federation Cabinet (but not from the Alliance Party) saying that it does not represent the will of the Chinese people in the Federation. Which leaves the Chinese in Selangor represented only by the multi-racial DAP and Gerakan Rakyat of the opposition in the State Assembly, both of which parties call for "Malaysia for the Malaysians" rather than for the Malay.¹⁰

Parti MIC kemungkinan akan mengikut jejak langkah MCA, memandangkan dalam tiga kerusi, dua calonnya iaitu menteri memenangi undi majoriti yang sedikit dan calon ketiga hilang kerusi.¹¹ Hasilnya,

So the more unruly among the Chinese population start sneering openly at the Malays in Selangor, firmly (and probably rightly), believing the

⁹ FCO 24/484:Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election. 1969. Addressed to FCO telegram number 484 of 14 May. Repeated for information (immediate) to BHC Singapore, Polad Singapore, Washington, Wellington, Canberra and routine to Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila and Djakarta, hlm 8.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid

*things have swung more definitely in their favour with the withdrawal of the MCA.*¹²

Selepas dua malam provokasi oleh kumpulan orang Cina, orang Melayu di utara bandar Kuala Lumpur (kawasan Kampung Bharu) merancang demonstrasi besar-besaran dan perarakan sekitar Kuala Lumpur pada malam 13 Mei 1969.¹³

Seterusnya,

*Malay extremists (possibly within UMNO) spent 13 May planning counter-demonstration for which many of their supporters armed themselves with a variety of weapons. Some Chinese groups made ready to retaliate or pre-empt and matters rapidly got out of hand.*¹⁴

Kepentingan Pemimpin Memahami Perlembagaan

Berdasarkan laporan Mageran, Perlembagaan negara telah dimanipulasikan dan mencetuskan semangat perkauman.

*Waktu berkempen dahulu beberapa orang calon pembangkang telah menyerang Perlembagaan dari segi semangat perkauman. Mereka memutarbelitkan beberapa perkara yang terkandung dalam Perlembagaan terutama sekali Perkara 152 dan 153. Mereka menghasut supaya dibuang perkara 153 yang bersyarat mengadakan perlindungan bagi kedudukan istimewa orang-orang Melayu. Ini telah menyebabkan orang-orang Melayu resah dan bimbang. Sebaliknya calon-calon pelampau Melayu telah berkempen dengan cadangan-cadangan yang melulu dan tidak dapat diamalkan, iaitu hendakkan kerajaan yang dikuasai sepenuhnya oleh orang-orang Melayu, membelakangkan bentuk masyarakat kita yang berbilang keturunan hingga menyebabkan orang-orang bukan Melayu merasa gelisah.*¹⁵

¹² FCO 24/484:Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election. 1969. Addressed to FCO telegram number 484 of 14 May. Repeated for information (immediate) to BHC Singapore, Polad Singapore, Washington, Wellington, Canberra and routine to Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila and Djakarta, hlm 8.

¹³ Flash Kuala Lumpur telegtam No. 11 to Polad Singapore of 13 May 1969 Inter-racial disturbances, dalam FCO 24/484 : Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election, hlm 1.

¹⁴ Addressed to FCO telegram number 484 of 14 May. Repeated for information (immediate) to BHC Singapore, Polad Singapore, Washington, Wellington, Canberra and routine to Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila and Djakarta, dalam FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election, hlm 8.

¹⁵ The National Operations Council. 1974. The May 13 tragedy: A report. Kuala Lumpur Government Printers, hlm 88.

Pilihan raya 1969 menyaksikan keputusan pilihan raya di Kelantan kekal kepada PMIP, dan Gerakan telah membentuk kerajaan Pulau Pinang dengan Lim Chong Eu mengangkat sumpah pada 12 Mei sebagai Ketua Menteri. Keputusan di negeri Perak saling menghampiri dengan 19 dimenangi oleh Parti Perikatan dan 21 kerusi dimenangi oleh parti pembangkang termasuk satu PMIP. Manakala di Selangor keputusan penuh tanpa PMIP menjadikan sesuatu yang sukar untuk membentuk kerajaan yang stabil di kesemua negeri ini. Punca kekalahan Parti Perikatan dalam pilihan raya ini adalah disebabkan ketidakpuasan hati dalam kalangan orang Melayu dan Cina terhadap polisi kompromi Perikatan¹⁶.

Dengan kemenangan di Kelantan, Perak dan Pulau Pinang (parti pembangkang menang majoriti penuh di Dewan Rakyat), serta di Selangor (dengan harapan memenangi pilihan raya setelah seri 14-14 di antara Parti Perikatan dan parti pembangkang DAP dengan majoriti sembilan kerusi), mencadangkan mereka dibenarkan untuk memilih Menteri Besar mereka sendiri. Parti Perikatan di bawah Tunku membalas bahawa dalam perlembagaan hanya orang Melayu layak memegang jawatan tersebut, tanpa mengira parti apa pun.¹⁷

Sebuah akhbar iaitu *The Daily Star* yang mengupas perkara ini melaporkan,

*When it was decided to make Malaysia a Confederation, it was hoped that by doing so the Malays could rise to a position of equality with the other non-indigenous races in west Malaysia. To ensure that this position of power would not be torn from their hands, it was written into the constitution that the Sultanates and the Chief Ministerial posts would always remain Malay, so that even if the political party representing a non-indigenous group came into power they could not elect their own Menteri Besar. This clause of the Constitution works well in States that have a predominance of Malays, but in the case of States like Penang and Selangor where there is at least a large minority of non-indigenous races, the clause can be seen as an inherent fault of the Constitution.*¹⁸

¹⁶ FCO 24/475/1 (Part B) Malaysian (political Affairs) Internal Situation. Malaysia: Political Situation, 4 July 1969, hlm 5.

¹⁷ FCO 24/485: Part B: Malaysia : Internal Situation: Civil disturbances following general election The inherent strife, 15 May 1969, The Daily Star, hlm 114.

¹⁸ Ibid.

Selain itu, keperluan kepada para pemimpin memahami perlembagaan dan sejarah kewujudannya.

All NOC leaders have harped on the need to re-affirm the 1957 Constitutional bargain, which also means recalling the conditions that governed that bargain, as well as placing it once and for all beyond question. Even Khaw Kai Boh, MCA Minister with Special Functions, spoke publicly on the 27th of the need to study the Constitution and its historical background.¹⁹

Menurut Goh Cheng Teik,

He believed that uninhibited public debate in the campaign on issues sensitive to the Malays had led to a rise in the emotional temperature and that this was a contributory factor in the making of riots. As early as June 1969 when he was asked whether 'the fear of returning to democracy in the minds of a certain people will be dispelled following the setback of the Alliance in the last general election', he replied: 'The fear is derived from another matter. They fear that the Malay rights will be taken away. They also fear the frequent questioning of Malay special rights by non-Malays'. With this in mind, he advocated an amendment of the federal constitution to make it illegal for the public to oppose the existing provisions on language, education, special rights and the position of the sultans'.²⁰

ISU KESETIAAN RAKYAT MALAYSIA

Siaran langsung ucapan Tunku di television pada pukul 10.30 malam 18 Mei (Ahad) menyatakan bahawa tragedi berlaku bukan disebabkan faktor komunis semata-mata tetapi disebabkan elemen buruk yang diwakili oleh penganas komunis, pensabotaj yang dibayar dan ahli kumpulan haram. Beliau mendesak tentang perlunya setiap orang tahu membezakan siapa yang setia dan siapa yang tidak setia termasuklah dalam

¹⁹ FCO 24/475/1 (Part B) Malaysian (political Affairs) Internal Situation. Malaysia: Political Situation, 4 July 1969, hlm 8.

²⁰ Goh Cheng Teik, 1971, *The May thirteenth incident and democracy in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 38.

kalangan orang Cina dan orang Melayu. Kenyataan ini berdasarkan laporan British, *this amounted to an attempt to conciliate the Chinese but is unlikely to be very effective.*²¹

ISU-ISU BERCORAK PERKAUMAN

Isu hak kerakyatan dan kedudukan istimewa orang Melayu.

Antara isu kontroversi yang berlaku dalam Peristiwa 13 Mei 1969, adalah berhubung hak kerakyatan dan kedudukan istimewa orang Melayu. Di dalam *May 13 Tragedy: A Report*, Perdana Menteri Malaysia kedua iaitu Tun Abdul Razak menghuraikan peristiwa 13 Mei 1969 dengan menyatakan bahawa,

*"The lesson of the recent disturbances is clear. This nation cannot afford to perpetuate a system that permits anybody to say or do things which would set one race against another. If the events of May 13 are not to occur again, if this Nation is to survive, we must make sure that subjects which are likely to be gender racial tensions are not exploited by irresponsible opportunists. We can only guarantee this by placing such subjects beyond the reach of race demagogues...and other subversives".*²²

Menurut laporan tersebut, kebebasan bersuara yang dibenarkan oleh Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan tidak harus digunakan oleh pihak tertentu untuk bebas menyatakan pendapatnya sehingga dapat menggugat kestabilan politik dan keharmonian kaum. Oleh itu kerajaan adalah pihak yang berperanan menjamin kewujudan kestabilan politik dan keharmonian kaum tersebut dan rakyat diminta menyokong tindakan tersebut.

Sehubungan itu para pemimpin Mageran menegaskan bahawa pembentukan perlembagaan perlu dikukuhkan, dan dalam hal ini bermakna cara bagaimana perundingan untuk mewujudkan perlembagaan ini perlu dihayati semula dan jangan dipersoalkan lagi isu ini.

Isu kewarganegaraan: isu yang belum selesai

Menurut Asri (pemimpin PMIP), kerakyatan adalah isu utama dalam Tragedi 13 Mei 1969. Beliau memberi ulasan kepada kerajaan Amerika bahawa perbezaan utama PMIP

²¹ FCO 24/484 Malaysia: Civil Disturbances following the general election. 1969. Addressed FCO Telegram No.513 of 18 May Repeated for information immediate to Polad Singapore, Wellington, Canberra, Washington, Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila and Djakarta, hlm 45.

²² National Operations Council 1969:iii dan Lent 1977, hlm 34.

dengan UMNO adalah bahawa UMNO telah menerima dasar imigrasi kolonial sebagai *fait accompli*. Tambahan pula manifesto pilihan raya PMIP mengandungi objektif berikut: "berusaha untuk melihat bahawa fasal perlembagaan mengenai kewarganegaraan sekarang ini dipertimbangkan semula sehingga mereka menjadi fasal yang boleh memastikan kedaulatan bumiputra di negara ini. Pada masa yang sama mengkaji dan menimbang semula hak kewarganegaraan yang dimiliki oleh pelbagai rakyat pada masa ini".²³

Ekoran komentar Asri, laporan British menyatakan bahawa, "*clearly the PMIP solution to the problem of the political threat from the Chinese includes a reduction in the numbers of enfranchised Chinese*".²⁴

Isu berhubung perkara ini menurut laporan British menjadi isu sensitif apabila pada 8 Jun 1969 Tun Ismail berkata bahawa beliau tidak akan teragak-agak untuk melucutkan kerakyatan sesiapa yang cuba menimbulkan masalah perkauman. Dua hari selepas itu Tun Razak juga mengemukakan amaran yang sama.²⁵

Akta Pengambilan Pekerja 1968 (Sekatan)

Laporan British juga menjelaskan Peristiwa 13 Mei mungkin ada kaitannya dengan Akta Pengambilan Pekerja 1968 (Sekatan) yang diumumkan untuk diimplimentasikan bermula 1 Julai 1969.

*It is also relevant that for the last fortnight or so we have had considerable publicity about the position of the existing non-citizens in this country as a result of the newly announced decision to implement from 1 July the 1968 Employment (Restrictions) Act which required registration of non-citizens. They will also be required to have work permits though initially this measure is restricted to those in employment rather than the self-employed.*²⁶

Berkaitan dengan isu ini juga, menurut laporan British, terdapat sejumlah pekerja kaum India yang bukan warganegara Malaysia ketika ini telah lama bekerja dengan Syarikat Keretapi Malaya (*Malayan Railways*). Sehubungan itu, *Utusan Melayu* sebagai akhbar

²³ National Operations Council 1969, hlm 4.

²⁴ Ibid, hlm 5.

²⁵ Goh Cheng Teik, 1971, hlm 5.

²⁶ FCO 24/475/1 (Part B) Malaysian (political Affairs) Internal Situation. Malaysia: Political Situation, 4 July 1969, hlm 5.

nasionalis Melayu, mengutarakan isu yang khusus meminta jawapan kenapa pekerja bukan warganegara Malaysia belum lagi digantikan dengan pekerja tempatan.²⁷

ISU BUDAYA DAN PEMIKIRAN YANG BERBEZA

Isu Berasaskan Pandangan dan Pemikiran Orang Cina.

Menurut R.B. Clift, pegawai British di Kuala Lumpur, surat yang ditulis oleh George Wong, Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura mengenai kaum Cina iaitu "*The predicaments of the Chinese in Western Malaysia*" selepas kejadian 13 Mei 1969 amat bernilai dan mampu menjana idea tentang konsep pemikiran mereka.

*Amongst its most useful aspects is that it corrects a number of misconceptions about the Chinese attitude which have been held too long in Malaysia and which have certainly led to false calculations by the Government and others. Most important, it corrects the widely held belief that the Chinese here is purely commercial animal without political interests. The May 1969 elections and their aftermath created a new grievance for the Chinese in that they had felt the legitimate exercise of political influence almost within their grasp, only to have it snatched away by the imposition of the Emergency.*²⁸

Tambahan kesan dari peristiwa 13 Mei 1969, pengumuman oleh pihak kerajaan bahawa tragedi 13 Mei berpunca dari kekacauan komunis, parti pembangkang dan pertubuhan haram yang semuanya berkait dengan kaum Cina, mengecewakan masyarakat Cina. Masyarakat Cina terpaksa menerima kenyataan yang cukup mendukacitakan walaupun setelah mereka jua menjadi mangsa pembunuhan di jalan-jalan.

*"Leaders of the Malaysian Government publicly and repeatedly blamed the disturbances on the communists, certain opposition parties and the secret societies – organisations which are all predominantly Chinese in composition. Hence by implication, the victims became officially the villains, and seemingly indiscriminate mass arrests of young Chinese followed".*²⁹

²⁷ FCO 24/475/1 (Part B) Malaysian (political Affairs) Internal Situation. Malaysia: Political Situation, 4 July 1969, hlm 5.

²⁸ FCO 24/480 Malaysia: Internal affairs West Malaysia Internal Situation, hlm 12.

²⁹ The predicament of the Chinese in Western Malaysia, dalam FCO 24/480 Malaysia: Internal Affairs West Malaysia Internal situation.

Selain itu orang Cina disalah anggap (mitos) bahawa mereka adalah kaum ..”*purely commercial animal without political interests*”, mahir dalam bidang kewangan dan hanya tertarik untuk mencari wang. Tidak mempedulikan dari mana datangnya sumber perniagaan asalkan mereka boleh berniaga. Tidak berminat kepada politik dan dipercayai sebagai komuniti Cina luar negara, mereka boleh dirasuah dengan hak-hak ekonomi. Walaupun sebenarnya, semua usahawan ada kepentingan politik. Sesiapa yang mempunyai harta mempunyai perasaan untuk melindunginya, dan usahawan Cina juga tidak terkecuali. Apatah lagi mereka mempunyai sebab tersendiri dari segi budaya untuk minat kepada kuasa. Pegawai dalam jabatan kerajaan Konfucius pada zaman dahulu di negara China menurunkan pangkat golongan pedagang sebagai golongan kedua terendah dalam masyarakat; manakala dalam zaman moden negara China komuniti ini tidak wujud. China tidak sukakan pedagang dan tidak membangunkan kelas kapitalis. Orang-orang Cina yang berdagang pada masa dahulu lakukan hanyalah kerana keperluan dengan harapan beroleh kekayaan untuk menyertai kerajaan yang mereka hormati. Begitu juga kaum Cina luar negara terlibat dalam perniagaan disebabkan keperluan. Dalam zaman penjajahan mereka dihalang untuk memiliki kuasa dan oleh itu mereka tidak mempunyai alternatif lain melainkan menjadi pedagang. Tetapi bayangan keburukan menjadi pedagang di negara China terbawa-bawa oleh golongan Cina luar negara.

Penyebaran Unsur-unsur Kebencian Terhadap Orang Melayu

Satu propaganda telah disebarkan dalam kalangan para pelajar di London bahawa kerajaan Malaysia telah melayan orang bukan Melayu sebagai rakyat kelas dua. Ini adalah berdasarkan satu artikel yang diterbitkan dalam Utusan Melayu pada 24 Jun 1969 yang bertajuk ”*Ahmad Boestamam writes from London: Who are responsible for spreading the flame of hatred against the Malays?*”³⁰ yang melaporkan tentang segolongan pelajar sedang menyebarkan sentimen perkauman dan kebencian terhadap orang Melayu di London. Intipati artikel ini yang ditulis oleh Ahmad Boestamam (pelajar undang-undang di London ketika itu), menyatakan bahawa seorang pelajar Pakistan menyoal seorang pelajar Malaysia kenapa Malaysia melayan rakyat bukan Melayu sebagai rakyat kelas kedua. Artikel ini juga menjelaskan bahawa pelajar Pakistan itu mendapat maklumat yang dinyatakan daripada pelajar Malaysia sendiri.

Antara isu yang dipersoalkan oleh pelajar Pakistan tersebut ialah kenapakan ramai orang Melayu mendapat biasiswa kerajaan, tentang hak istimewa orang Melayu,

³⁰ FCO 24/475/1/ (Part B) Malaysia (Political Affairs) Internal Situation . Ahmad Boestamam writes from London: Who are responsible for spreading the flame of hatred against the Malay?, Utusan Melayu 27 June 1969.

sekatan terhadap bahasa dan budaya kaum lain. Namun setiap soalan yang dikemukakan dijawab dengan baik oleh pelajar Melayu tersebut. Berikut petikan perbualan yang dibalas oleh pelajar Melayu terhadap soalan yang dikemukakan oleh pelajar Pakistan tersebut.

Do you know that there is no country in this world – not even Pakistan – where the number of migrants is almost equal to the number of indigenous people, as is found in Malaysia.

Do you know that one of the second-class citizens you talked about has been a Governor, the highest post, in a state in Malaysia?

Do you know, comparatively, the Malays are the poorest among the three major races in Malaysia, who are natives of the country, whether they belong to the 'have', or the 'have nots circle'?

Do you know that the Director and the Controller of the Malaysians Students Department is a non-Malay?

But why are there more Malays than non-Malays in the military and police? The Pakistani asked.

Because these jobs only attract those who are poor.

The reply is the same if you ask why the non-Malays are found more in the urban areas than in the rural areas. Because the poor cannot afford to stay in the towns.

Do you know, if it were not for the scholarships given by the government, you might not see any Malay student in London, or perhaps the number would be very much less than it is.

Do you know the number of the non-Malays who can afford to send their children to study overseas is still large, because many of them are wealthy people?

*I ask: who is responsible for fanning and spreading this communal fire?
If they are Malaysian students, than those in the Malaysian Students
Department should give an explanation.*³¹

Berdasarkan laporan artikel di atas, jelas menunjukkan bahawa sebahagian golongan pelajar sebenarnya tidak memahami kedudukan sebenar tentang Perlembagaan Malaysia. Dengan pengetahuan yang kabur, tidak memahami sejarah sebenarnya, lalu disebarkan, merupakan salah satu penyebab kepada unsur-unsur persengketaan antara kaum di Malaysia.

Bertambahnya Ketakutan dan Tekanan kepada Bangsa Melayu

Berdasarkan polarisasi geografi penduduk mengikut kaum di Semenanjung iaitu di negeri utara dan di sebelah timur, majoriti penduduknya adalah Melayu. Manakala orang Cina mewakili 22% di negeri Perlis, 20% di negeri Kedah, 6% di Kelantan, 7% di Terengganu dan 34% di Pahang. Tetapi di negeri kawasan barat Semenanjung, dimonopoli oleh kaum Cina iaitu 57% di negeri Pulau Pinang, 44% di negeri Perak, 48% di negeri Selangor, 40% di Negeri Sembilan, 40% di Melaka dan 41% di Johor. Laporan British merujuk bahawa orang Melayu yang dikatakan "*control the only forces in the country*" melihat bahawa negeri di persisiran barat (kecuali Pulau Pinang dan Melaka) sebagai warisan mereka sebagaimana negeri di persisiran utara dan timur. Kesemua negeri ini mempunyai kerajaan beraja dan jumlah populasi Melayu yang besar membuatkan mereka tidak akan menyerah kepada kuasa yang utama. Hal ini disebabkan,

*the Malays perceive the larger of the Chinese already by democratic means gaining control of the western states, and possibly thence of the Federal Govt, that they feel compelled, even the moderates who are still in control, to suspend the existing democratic system and take remedial action.*³²

³¹ FCO 24/475/1/ (Part B) Malaysia (Political Affairs) Internal Situation. Ahmad Boestamam writes from London: Who are responsible for spreading the flame of hatred against the Malay?, Utusan Melayu 27 June 1969.

³² FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election. 1969. Addressed FCO Telegram No.577 of 25 May Repeated for information immediate to Polad Singapore, BHC Singapore, Washington, Canberra, Wellington, Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila and Djakarta, hlm 112.

KESIMPULAN

Isu-isu yang dibicarakan di atas adalah antara isu-isu yang diterokai dalam Peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa 13 Mei 1969 berakar umbi dari semangat perkauman dan ketidakpuasan hati kaum Melayu dan bukan Melayu berhubung isu-isu yang bercorak politik, perkauman dan budaya serta pemikiran yang berbeza dalam kalangan masyarakat Melayu dan bukan Melayu. Setiap aspek yang melibatkan isu hak istimewa orang Melayu, hak kaum bukan Melayu, bahasa, agama, pendidikan dan pekerjaan menjadi isu yang sering disentuh dalam kempen-kempen pilihan raya bermula tahun 1959 hinggalah pilihan raya tahun 1969. Ini bermakna perasaan saling tidak puas hati antara rakyat telah berakar umbi dari awal. Demi keutuhan masyarakat Malaysia dalam menghadapi era globalisasi, dinamika pembangunan komuniti perlu diutamakan. Fakta sejarah tidak boleh disembunyikan, setiap rakyat berhak mengetahuinya namun bukan untuk diungkit-ungkit hingga menimbulkan perbalahan kaum. Sebaliknya sejarah adalah untuk dipelajari dan diteladani demi masa depan negara dan masyarakat yang lebih bersatu.

RUJUKAN

- Addressed FCO Telegram No.488 of 15 May Repeated for information immediate to Polad Singapore, Wellington, Canberra, Washington, Kota Kinabalu, Kuching, BHC Singapore, Bangkok, Manila and Djakarta, dalam FCO 24/484 : Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.
- Addressed FCO Telegram No.500 of 16 May Repeated for information immediate to Polad Singapore, Following are extracts from broadcast by Prime Minister of Malaysia at 2200 hours yesterday dalam FCO 24/484 : Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.
- Addressed to FCO telegram number 484 of 14 May. Repeated for information (immediate) to BHC Singapore, Polad Singapore, Washington, Wellington, Canberra and routine to Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila and Djakarta, dalam FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.
- FCO 24/475/1 (Part B) Malaysian (political Affairs) Internal Situation. Malaysia: Political Situation, 4 July 1969.
- FCO 24/475/1/ (Part B) Malaysia (Political Affairs) Internal Situation . Ahmad Boestamam writes from London: Who are responsible for spreading the flame of hatred against the Malay?, Utusan Melayu 27 June 1969.
- FCO 24/484 : Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election. 1969. Addressed FCO Telegram No.515 of 18 May. Repeated for information immediate to Polad Singapore, BHC Singapore, Washington, Canberra, Wellington, Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila dan Djakarta.

- FCO 24/484 Malaysia: Civil Disturbances following the general election. 1969. Addressed FCO Telegram No.513 of 18 May Repeated for information immediate to Polad Singapore, Wellington, Canberra, Washington, Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila and Djakarta.
- FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election. 1969. Addressed to FCO telegram number 484 of 14 May. Repeated for information (immediate) to BHC Singapore, Polad Singapore, Washington, Wellington, Canberra and routine to Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila and Djakarta, hlm 8.
- FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election. 1969. Addressed FCO Telegram No.577 of 25 May Repeated for information immediate to Polad Singapore, BHC Singapore, Washington, Canberra, Wellington, Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila and Djakarta.
- FCO 24/485: Part B: Malaysia : Internal Situation: Civil disturbances following general election The inherent strife, 15 May 1969, The Daily Star.
- Flash Kuala Lumpur telegram No. 11 to Polad Singapore of 13 May 1969 Inter-racial disturbances, dalam FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.
- Goh Cheng Teik. (1971). *The May thirteenth incident and democracy in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tel No 506, Malaysian Disturbances dalam FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.
- The National Operations Council*. (1974). *The May 13 tragedy: A report*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Tragedi 13 Mei*. (1969). Satu Laporan Majlis Gerakan Negara, Kuala Lumpur. Government Printers.